

# Tindakan rasional perlu tentang keganasan: PM

BH 09 OCT 2001

**Wan Hazmir Bakar  
dan Wan Esuriyanti  
Wan Ahmad**

KUALA LUMPUR, Isnin - Negara Islam perlu bertindak secara rasional dengan menentang keganasan serta mendesak diadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan bagi mengikis tanggapan yang mengaitkan keganasan dengan Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu mengadakan persidangan sesama negara anggota dan kemudian membincangkan masalah keganasan dan tafsirannya pada persidangan

**Pertubuhan Persidangan Islam perlu adakan persidangan sesama negara anggota untuk membincangkan masalah dan tafsiran keganasan**

antarabangsa.

"Hari ini ada banyak tafsiran yang berbeza, terutama berkenaan keganasan yang dilakukan beberapa kerajaan negara tertentu ke atas rakyat asing. Undang-undang antarabangsa mesti digubal untuk membendung keganasan dan pengganasan.

"Hanya jika OIC bersikap dan bertindak secara rasional dalam menghadapi isu

pengganasan dan keganasan barulah imej Islam dapat dipulihkan," katanya menjawab soalan Datuk Husni Hanadzlah (BN-Tambun) di Dewan Rakyat, hari ini.

Husni ingin tahu peranan Malaysia dan OIC bagi memastikan imej Islam tidak terjejas berikutan serangan pengganasan terhadap Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata, amat-

lah tidak adil untuk masyarakat dunia mengaitkan keganasan dengan Islam kerana penganut agama lain turut melakukan keganasan.

"Keganasan bukan monopoli orang Islam...Orang Yahudi, Hindu, Buddha, Kristian dan yang tidak beragama juga sudah melakukan keganasan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang), Dr Mahathir berkata, tanpa takrifan yang jelas, sesiapa saja boleh dianggap pengganasan walaupun mereka sebenarnya berjuang membebaskan negara dari penjajah.

Perdana Menteri berkata, pejuang sebegini biasanya ditakrif sebagai pengganasan

oleh penjajah dan mereka diburu tetapi apabila mereka menang dan memerintah mereka tidak lagi dianggap pengganasan.

"Umpamanya di Kenya, ketika Jomo Kenyatta berperang dengan British, dia ditakrif sebagai pengganasan. Tetapi apabila British mengaku kalah dan dia menjadi Presiden Kenya, dia tidak lagi menjadi pengganasan bahkan sejarah dia sebagai pengganasan dilupakan.

"Begitu juga dengan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, dia juga dulu dianggap sebagai pengganasan tetapi hari ini dia tidak lagi dianggap sebagai pengganasan tetapi sebagai pejuang kemerdekaan," katanya.